



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 22 Februari 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------|
| 1 | PM, KKM, KPWK Senada Perkasa Hak Kanak-Kanak https://mediavariasi.com/2023/02/pm-kkm-kpwkm-senada-perkasa-hak-kanak-kanak/ | Media Variasi | Neutral |
| 2 | Bonnie Sambut Baik Kehadiran Pegawai Pengiring https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/02/938263/bonnie-sambut-baik-kehadiran-pegawai-pengiring | Harian Metro | Neutral |
| 3 | ‘Saya Sayang Bella....’ https://www.buletintv3.my/mahkamah/saya-sayang-bella/ | Buletin TV3 | Neutral |

| | | | |
|---|---|---|---------|
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/saya-lebih-sayang-bella-kerana-dia-kelakar-siti-bainun/ | Utusan | |
| 4 | Ibu Doa Syafarizan Selamat, Harap Pulang Sebelum Aidilfitri https://malaysiagazette.com/2023/02/21/ibu-doa-syafarizan-selamat-harap-pulang-sebelum-aidilfitri/ | Malaysia Gazette | Neutral |
| 5 | Wanita Warga Emas Hilang Ketika Mencari Lokan, Ditemukan Meninggal Dunia https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1067416/wanita-warga-emas-hilang-ketika-mencari-lokan-ditemukan-meninggal https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-hilang-ketika-mencari-lokan-ditemukan-meninggal-dunia/ | Berita Harian Buletin TV3 | Neutral |
| 6 | Lelaki Didakwa Dera Anak Teman Wanita https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/lelaki-didakwa-dera-anak-teman-wanita/ https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938231/penganggur-mengaku-tak-bersalah-dera-anak-teman-wanita https://www.youtube.com/watch?v=VCoIjUnNGIA https://www.thesundaily.my/cerita/berita/penganggur-didakwa-cederakan-anak-teman-wanita-berusia-6-tahun-AB10664141 https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/21/penganggur-mengaku-tak-salah-cederakan-anak-teman-wanita/ https://malaysiagazette.com/2023/02/21/penganggur-didakwa-cederakan-anak-teman-wanita-berusia-enam-tahun/ https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2166331 | Utusan Harian Metro Bernama TV The Sun Daily FMT Malaysia Gazette Bernama | Neutral |

| | | | |
|---|---|---|---------|
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1067111/penganggur-didakwa-dera-anak-teman-wanita https://www.youtube.com/watch?v=eQUaceIvy5U https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-mengaku-tidak-bersalah-dera-anak-teman-wanita-407512 | <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> | |
| 7 | <p>Pasangan Warga Emas Ditipu Beli Tanah ‘Lot Lidi’, Rugi RM140,000</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/21/pasangan-warga-emas-ditipu-beli-tanah-lot-lidi-rugi-rm140000/ https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1067157/angkara-tanah-lot-lidi-pasangan-warga-emas-rugi-rm140000 https://www.youtube.com/watch?v=SI0T4tklNhg</p> | <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Berita Harian Online</p> | Neutral |

PM, KKM, KPWKM SENADA PERKASA HAK KANAK-KANAK

<https://mediavariasi.com/2023/02/pm-kkm-kpwkm-senada-perkasa-hak-kanak-kanak/>

Sumber : Media Variasi

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sekali lagi akan menggesa penubuhan Jabatan Kanak-kanak ke Kabinet, Jumaat ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, cadangan itu sudah dikemukakan di Kabinet sebelum ini, namun ditolak atas alasan peruntukan terlalu besar.

“Saya akan kemukakan cadangan kepada mesyuarat Kabinet Jumaat ini sekali lagi, kita terus mendesak bagi mewujudkan jabatan ini.

“Cadangan yang dibawa ini adalah holistik, yang penting kita kena usaha sebagai titik permulaan menangani isu kanak-kanak termasuk jenayah terhadap mereka,” katanya.

Terdahulu, Nancy mengadakan lawatan kerja ke Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) di sini, pada Isnin.

Nancy berkata, hasil lawatan itu, beliau mendapati Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerlukan peralatan terkini dan penambahan kakitangan untuk menangani kes-kes jenayah di bawah D11.

Beliau berkata, perbincangan keseluruhan lebih kepada isu kanak-kanak.

“Pihak kementerian akan sentiasa menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak polis yang saling memerlukan terutamanya isu-isu jenayah membabitkan kanak-kanak dan wanita,” katanya.

Sebelum ini, KPWKM bercadang mewujudkan jabatan khas bagi melindungi kanak-kanak termasuk melibatkan isu penderaan dan pengabaian.

Nancy dilaporkan berkata, penubuhan jabatan itu sudah dipersetujui secara prinsipal oleh Kabinet termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar juga dilaporkan mengumumkan lantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak menganggotai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) bagi menangani masalah penderaan dan sosial melibatkan kanak-kanak.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa, turut dilaporkan berkata kanak-kanak dan remaja dikenal pasti antara golongan berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental namun isu berkenaan dilihat masih kurang diberi perhatian.

Dr Zaliha mendedahkan, sebelum pandemik COVID-19, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 10 hingga 20 peratus kanak-kanak dan remaja seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental manakala 50 peratus masalah kesihatan mental yang serius bermula pada umur 14 tahun.

Beliau juga menggalakkan anggota kesihatan untuk mempersiapkan diri dengan ilmu Bantuan Asas Psikologi dalam membantu negara jika berlaku tragedi yang boleh memberi kesan langsung kepada kanak-kanak dan remaja.

Untuk rekod, undang-undang berhubung kesejahteraan kanak-kanak yang terdapat dalam Akta Kanak-Kanak 2001 sedia ada didakwa sudah mencukupi dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Akta Kanak-Kanak telah dipinda pada 2021 dan menurut laporan UNICEF (Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), undang-undang negara mematuhi konvensyen hak kanak-kanak antarabangsa.

Pada 18 Februari lalu, selebriti dan personaliti TV, Daphne Iking menggesa kerajaan mewujudkan unit khas kanak-kanak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perundangan khusus untuk melindungi hak kanak-kanak.

Saranan itu ditujukan kepada KPWKM selepas melihat keperluan untuk menangani isu penderaan yang serius di pusat pemulihan ketika mengulas mengenai masalah itu.

BONNIE SAMBUT BAIK KEHADIRAN PEGAWAI PENGIRING

<https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/02/938263/bonnie-sambut-baik-kehadiran-pegawai-pengiring>

Sumber : Harian Metro



Kuantan: Atlet Para kebangsaan, Bonnie Bunyau Gustin menyokong keputusan kerajaan untuk mewajibkan pegawai pengiring bagi mengiringi atlet Para negara yang bersaing dipentas antarabangsa.

Menurut juara dunia itu, usaha berkenaan sepatutnya sudah lama dilakukan demi kepentingan atlet terutama yang bergerak menggunakan kerusi roda selain kecacatan fizikal lain

Katanya, kesukaran atlet para setiap kali bertanding dapat dikurangkan, apabila ada pegawai pengiring yang membantu mereka dalam semua perkara.

"Tumpuan atlet terhadap pertandingan yang disertai tidak akan terjejas apabila semua urusan mendapat bantuan pegawai pengiring, sebelum ini atlet para terpaksa melakukan sendiri selain turut dibantu jurulatih dan pengurus pasukan.

"Kejayaan dan kegagalan atlet para yang bersaing di pentas antarabangsa turut dipengaruhi faktor keselesaan sepanjang mereka bertanding," katanya.

Beliau berkata demikian ditemui ketika hadir mengadakan klinik sukan pada Kejohanan Para Powerlifting Terbuka Pahang di Dewan Utama Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), kelmarin. Pertandingan julung kali diadakan di luar Kuala Lumpur itu disertai 43 atlet Orang Kelainan Upaya (OKU) mewakili 11 negeri. Ia dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang dengan kerjasama agensi kerajaan lain.

Bonnie berkata, dengan adanya pegawai pengiring bagi setiap atlet para negara ia dapat melancarkan aktiviti atlet para sepanjang mereka bertanding di pentas antarabangsa yang memerlukan perhatian dan pengawasan.

‘SAYA SAYANG BELLA....’

<https://www.buletintv3.my/mahkamah/saya-sayang-bella/>

Sumber : Buletin TV3



KUALA LUMPUR: Pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali, memberitahu Mahkamah Sesyen hari ini, bahawa dia menyayangi remaja itu lebih daripada anak jagaannya yang lain.

Siti Bainun, 31, yang didakwa mengabai dan menganiaya remaja perempuan Sindrom Down dikenali Bella berkata tiada keperluan untuknya menyimpan atau mendera Bella sejak diambil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada Julai 2020.

“Layanan saya kepada Bella adalah sama, mungkin lebih sayang kepada Bella, berbanding yang lain sebab Bella ini kelakar, manja, suka menyanyi dan saya memang suka sakit kalau Bella menyanyi seorang diri depan cermin.

“Saya juga bawa membeli baju sebab dia (Bella) diberikan kepada saya oleh JKM dalam keadaan sehelai sepinggang,” katanya dalam pernyataan saksinya.

Selain itu, Siti Bainun berkata, dia menjaga Bella tanpa mendapat sebarang bayaran atau memohon sumbangan orang ramai, malah terpaksa bekerja bagi menampung perbelanjaan dan keperluan tujuh anak jagaannya, termasuk Bella.

Katanya, dia juga tidak pernah mempamerkan muka Bella bagi mendapatkan pujian atau bantuan menguruskan remaja terbabit.

Mengenai dakwaan mengikat Bella, tertuduh memberitahu bahawa tindakan itu dilakukan kerana Bella suka mengambil makanan dan berjalan keluar pada waktu malam.

“Bella memang suka merayau malam untuk makan ‘jajan’ dan pernah minum susu kotak sampai habis satu karton menyebabkan dia cirit-birit.

“Yasmin ikat kaki Bella dengan kakinya, kalau Bella bangun nak merayap Yasmin boleh terjaga dan suruh Bella tidur. Sebab itu bila tanya siapa ikat, Bella cakap Shomin yang diakui sendiri oleh Yasmin di mahkamah bahawa Shomin itu dia.

“Bella pandai buka pintu dan pernah hilang ke ‘swimming pool’ seorang diri. Tapi ikatan itu langsung tidak kuat dan sekadar untuk keselamatannya. Buktinya Bella tidak ada kecederaan atau bengkok akibat diikat seumpama cerita saksi,” katanya.

Siti Bainun turut memberitahu, tindakannya membawa Bella dan beberapa anak jagaan berpindah ke kondominium di Wangsa Maju dari Rumah Bonda yang dibangunkan menggunakan duit arwah bapanya itu kerana berniat baik demi kesejahteraan mereka.

Terdahulu, Siti Bainun dituduh mengabaikan dan menganiaya remaja perempuan sindrom Down berusia 13 tahun itu, sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal serta emosi di sebuah unit kondominium di Wangsa Maju antara Februari dan Jun 2021.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbicaraan kes di hadapan Hakim Izralizam Sanusi bersambung esok.

IBU DOA SYAFARIZAN SELAMAT, HARAP PULANG SEBELUM AIDILFITRI


<https://malaysiagazette.com/2023/02/21/ibu-doa-syafarizan-selamat-harap-pulang-sebelum-aidilfitri/>

Sumber : Malaysia Gazette

TELUK KUMBAR – “Setiap hari saya titipkan doa agar anak saya pulang dengan selamat seperti mana dia pergi belayar hari pertama.”

Demikian luah ibu kepada Mohamad Syafarizan Mohd Noor, 24, antara lima kru Kapal MV Dai Cat 06 yang dilaporkan hilang sejak 1 Januari lalu.

Menurut Siti Nur Hasanah, 47, mereka sekeluarga menaruh harapan agar anak sulung daripada tujuh beradik itu pulang dengan selamat meskipun sudah berganti bulan kehilangannya.



Siti Nur Hasanah.

Katanya, dia tidak sangka pelayaran pertama anaknya menjadikan titik hitam buat mereka sekeluarga.

“Air mata ini sudah kering memikirkan nasib anak sulung saya itu namun dalam masa sama saya terpaksa sembunyikan semua perasaan itu di hadapan anak-anak lain.

“Setiap hari anak-anak tanya mana abang mereka sebab sudah terlalu lama tidak pulang dan saya dan suami terpaksa menipu dia tengah berlayar serta tidak boleh menghubungi keluarga disebabkan faktor tiada *signal* di tengah laut,” katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu, keluarga Siti Nur Hasanah menerima kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bayan Lepas Azrul Mahathir Aziz dan Pengurus Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Georgetown Mohd Asri Mohd Rasid.



Azrul Mahathir (kiri) bersama Pengurus Pejabat Perkeso George Town Mohd Asri Mohd Rasid menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa ketika melakukan kunjungan di kediaman mereka di Taman Sahabat di sini.

Mengulas lanjut Siti Nur Hasanah berkata, kali terakhir dia berhubung dengan Mohamad Syafarizan ialah semasa kapal berkenaan berada di Perak dan dia sempat memberitahu kapal milik sebuah syarikat di Vietnam yang berdaftar di Kuching, itu mengalami beberapa masalah.

“Kami hanya mengetahui kehilangan kapal itu menerusi berita di televisyen pada malam ia dilaporkan tidak dapat dikesan.

“Tiga hari sebelum kejadian, saya berasa susah hati kerana tidak dapat menghubunginya dan bermimpi berlaku rampasan kapal namun hanya menganggap sebagai mainan tidur.

“Tidak sangka selepas itu saya terima khabar mengenai kehilangan kapal dan lima kru berkenaan termasuk anak saya seolah-olah ia benar-benar berlaku,” katanya.

Tambah peniaga nasi lemak itu, dia berharap anaknya pulang sebelum Hari Raya Aidilfitri.

Sementara itu, Azrul Mahathir berkata, pihaknya akan pertimbangkan bantuan kepada keluarga ini susulan mereka mempunyai tanggungan yang ramai.



Azrul Mahathir.

“Kita akan bekerjasama dengan pihak Perkeso, Zakat Pulau Pinang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai bantuan itu,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, kapal kargo yang membawa muatan besi paip itu dilapor hilang selepas keluar dari jeti di Perak pada 23 Disember 2022 dan sepatutnya tiba di Sarawak pada 31 Disember tahun lalu.

Lokasi terakhir kapal berkenaan dikesan menerusi sistem Automatic Identification System (AIS) adalah pada 1 Januari lalu di perairan Indonesia iaitu 0.2 batu nautika dari sempadan perairan negeri Johor. – MalaysiaGazette

Wanita warga emas hilang ketika mencari lokan, ditemukan meninggal dunia

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1067416/wanita-warga-emas-hilang-ketika-mencari-lokan-ditemukan-meninggal>

Sumber : Berita Harian



TUARAN: Kehilangan seorang wanita warga emas sejak Ahad lalu terjawab apabila ditemukan meninggal dunia berhampiran Kampung Betutai, di sini, petang tadi.

Mayat **Jinteh Sudin**, 76, yang lengkap berpakaian itu ditemukan orang awam menggunakan dron kira-kira jam 5.20 petang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Daerah Tuaran, Abdul Qawie Abdul Gapar, berkata operasi mencari dan menyelamat (SAR) hari ketiga ditamatkan sebaik menerima maklumat penemuan terbabit daripada pihak polis.

"Menurut maklumat diperolehi, Kementerian Kesihatan (KKM) serta polis mengesahkan mangsa meninggal dunia di lokasi pada jam 6.10 petang.

"Difahamkan juga, waris keluarga sudah dimaklumkan dan mayat mangsa dihantar ke Hospital Tuaran untuk tindakan lanjut," katanya.

Pada 19 Februari lalu, seorang wanita warga emas dilaporkan hilang pada jam 7 malam ketika mencari lokan bersama keluarganya di kawasan hutan paya bakau di Kampung Betutai, Tuaran.

Operasi SAR disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan penduduk kampung.

Lelaki didakwa dera anak teman wanita

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/lelaki-didakwa-dera-anak-teman-wanita/>

Sumber : Utusan



IPOH: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua pertuduhan mendera anak teman wanitanya yang berusia enam tahun.

Tertuduh, Muhammad Aiman Razali, 25, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, lelaki yang tidak bekerja itu didakwa melakukan penganiayaan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berusia enam tahun.

Perbuatan tersebut dilakukan bekas pemandu lori itu di sebuah rumah di Cherry Apartment di sini masing-masing pada pukul 1 pagi, 25 November 2022 dan 14 Februari 2023.

Kedua-dua pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang sabit kesalahan membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, K. Darinee manakala tertuduh diwakili peguam, Dayang Nor Emilia Azman Shah.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM6,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan menetapkan 22 Mac ini untuk sebutan semula kes.

Perbuatan lelaki itu terbongkar ekoran laporan polis dibuat datuk kanak-kanak itu pada Selasa lalu, selepas diberitahu oleh ibu mangsa bahawa cucunya didera suspek.

Difahamkan, suspek yang tinggal serumah dengan ibu mangsa kerap memukul kanak-kanak terbabit menggunakan tangan namun kejadian itu tidak pernah dilaporkan kepada polis.

Suspek telah ditangkap dan ditahan reman selama tujuh hari bermula 15 Februari lalu hingga hari ini. – [UTUSAN](#)